

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI KEDAH**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah. LKAN ini melaporkan satu tajuk berkaitan aktiviti Agensi dan satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan negeri seperti berikut:

1.1. Pengauditan Aktiviti Agensi Negeri

a. Pengurusan Hartanah Industri - Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) [Kos Projek: RM213.22 juta]

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. Pencapaian Output

PKNK telah berjaya membangunkan sembilan kawasan perindustrian di negeri Kedah. Bagaimanapun, pendapatan bersih daripada aktiviti hartanah industri yang diperoleh PKNK bagi tahun 2018 hingga 2020 kurang 50% daripada yang dianggarkan.

ii. Pencapaian Keberhasilan

PKNK mencatatkan keuntungan penjualan lot industri di sembilan kawasan industri yang telah siap dibangunkan. Negeri Kedah juga telah memperoleh pelaburan yang tinggi serta dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk berikutan pembangunan sembilan kawasan industri tersebut.

iii. Pengurusan Aktiviti

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- surat hak milik individu bagi Kawasan Perindustrian Kuala Ketil Fasa II masih belum dikeluarkan walaupun bayaran penuh telah dibuat oleh pemajak;
- PKNK hanya membayar cukai tanah berjumlah RM10,301 iaitu pada kadar RM150 sehektar kepada Kerajaan negeri. Cukai tanah tersebut adalah lebih rendah berbanding yang sepatutnya dibayar kerana kategori kegunaan tanah yang masih belum ditukar kepada status perindustrian;

- kadar RM5 setiap kaki persegi bagi sambungan pajakan tanah industri yang dikenakan kepada pemajak tidak dibuat penilaian semula oleh PKNK sejak tahun 2009; dan
- berlaku pelanggaran terhadap syarat perjanjian penyewaan seperti barang perniagaan dan sampah sarap diletak serta dilonggokkan di hadapan bangunan. Selain itu, terdapat kontena dan bangunan dijadikan tempat tinggal di Lot 216 di Kawasan Perindustrian Kuala Ketil Fasa II.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah

a. Kynetics Land Sdn. Bhd. (KLSB) [Modal Berbayar RM2 juta]

- i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan KLSB sebagai pemaju perumahan, kontraktor, pembangunan hartanah, pembinaan dan penyenggaraan bangunan adalah tercapai. Bagaimanapun pengurusan aktiviti sebagai pemaju hartanah dan kontraktor am adalah kurang cekap kerana tidak mendapat pulangan yang sepatutnya. Amalan tadbir urus korporat berada pada tahap memuaskan dan kedudukan kewangan berada pada tahap stabil dengan mencatatkan trend keuntungan sebelum cukai untuk tiga tahun berturut-turut serta aliran tunai yang positif.
 - ii. Penemuan Audit bagi pengurusan aktiviti syarikat adalah seperti berikut:
 - KLSB hanya menerima bayaran wang jaminan keuntungan dan penyelesaian kontrak berjumlah RM3.51 juta (71.9%) bagi FASA 3 Zon 1, Projek Perumahan Bandar Sejahtera, Pokok Sena. Baki sebanyak RM1.37 juta (28.1%) masih belum diterima;
 - tiga daripada empat projek penyenggaraan jalan raya negeri tidak dipelawa secara sebut harga untuk dibuat perbandingan bagi mendapat pulangan yang lebih baik; dan
 - KLSB tidak dapat menuntut bayaran sejumlah RM0.82 juta daripada kerja yang dilaksanakan bagi projek pembinaan 50 Unit Rumah di bawah Program *My Beautiful New Home* kerana kontraktor utama telah digulungkan.
2. Keseluruhan syor audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah sembilan syor iaitu lima kepada PKNK dan empat kepada KLSB.